


# Menara condong Singapura

## Masjid Hajjah Fatimah

Dibina lebih 160 tahun lalu, Masjid Hajjah Fatimah merupakan antara lima masjid di Singapura yang diwartakan sebagai monumen negara. Wartawan **Berita Harian**, Nur Adilah Mahbob dan wartawan infografik, Mohd Samad Afandie serta Karim Nasir meninjau ciri-ciri unik masjid di Beach Road itu. Foto-foto oleh Taufik A. Kader.



**Arkitek Masjid Hajjah Fatimah:** Oleh kerana menaranya menyerupai menara gereja Katedral St Andrew, pereka itu dipercayai adalah seorang arkitek British, John Turnbull Thompson. Ia dibina antara 1845 dan 1846 oleh kontraktor Perancis disokong oleh buruh Melayu.

Satu-satunya masjid di Singapura yang mempunyai kubah berongga

Dibina atas tanah berpasir, menara condong 6° ke arah kubah masjid

6°

**Menara Masjid:** Terdapat dua unsur gaya klasik Melaka dan Eropah yang menonjol pada menara masjid. Reka bentuk menara dipengaruhi oleh reka bentuk ala Portugis. Ia umpama bentuk menara sebuah gereja dan seperti masjid-masjid di Melaka yang mempunyai tiga bentuk berperingkat – 1) Menara dibina dengan dua menara berbentuk segi lapan, 2) bangunan empat persegi sebagai asas dan 3) sebuah piramid memanjang. Ciri-ciri Cina juga dimasukkan ke dalam reka bentuk menara. Ini termasuk lapisan gril Cina pada tingkap dan pertukangan kayu serta lapisan porselin hijau yang bercorak diletak pada setiap tingkat.

Dahulu, seperti masjid lain yang mempunyai menara, bilal akan menaiki menara untuk melaungkan azan tanda masuknya waktu solat.



Makam menantu Hajjah Fatimah, Syed Ahmed Alsagoff.

27,393 m

Bumbung

Makam Hajjah Fatimah

Tembok sempadan

Rumah Imam

Tembok sempadan

8,252 m

Mimbar dari kayu

**Kerja-kerja pemuliharaan:** Panel tembok daripada kayu yang dibawa khas dari Melaka susulan syarat daripada pihak NHB seketika dulu agar kesenian reka bentuk terpelihara seperti asal.

Cadangan bagi tapak pembikinan tandas dan tempat wuduk wanita

**Masalah Masjid:** Kenaikan pada resapan kelembapan dan air serta kristalisasi garam pada dinding-dinding sempadan menjadi penyelenggaraan pertama pihak jawatankuasa masjid. Pihak masjid sedang mencari penyelesaian jangka panjang bagi menyelesaikan masalah itu.

Rumah-rumah gaya Eropah mengapit ruang masuk masjid.

Tempat wuduk

Tandas lelaki

Tangga spiral

Porselin hijau corak Cina

3,497 m

- Kos penyelenggaraan menjangkau \$80,000 setiap tahun
- Masjid Hajjah Fatimah boleh menampung 600 jemaah



**Makam Hajjah Fatimah:** Syed Mohdar Alsagoff berdiri di makam Hajjah Fatimah di perkarangan masjid. Hajjah Fatimah mewakaf tanahnya untuk membina masjid sebagai tanda syukur terselamat, setelah rumahnya dipecah masuk dua kali dan penceroboh cuba membakar rumahnya.

**MENARA** Masjid Hajjah Fatimah telah condong sejak sekian lama yang diingati pengerusi lembaga pentadbirannya, Syed Mohdar Alsagoff.

Namun, Syed Mohdar, yang telah berkhidmat di masjid itu lebih tiga dekad lalu, berkata menara itu senget enam darjah tetapi kini stabil.

“Kini, dari masa ke masa, kami lakukan pemeriksaan untuk memastikan ia stabil dan selamat,” ujar Syed Mohdar.

Menara itu dipercayai condong kerana masjid dibina atas tanah berpasir di Beach Road, yang dahulunya berdekatan dengan kawasan pantai.

Selain ciri-ciri unik menaranya yang condong, Masjid Hajjah Fatimah merupakan antara segelintir masjid sempena nama wanita di Singapura, dan antara

lima masjid yang juga monumen negara.

Namun, tidak mudah mengurus masjid yang berusia lebih 160 tahun itu.

Menurut Syed Mohdar, bangunan masjid yang diperbuat daripada batu kapur (*limestone*) itu sering mengalami masalah tompok-tompok kerana menahan air.

Tetapi masjid itu beruntung kerana mempunyai pendapatan daripada wakaf sekitar \$80,000 setiap tahun, yang lebih kurang mampu menampung kos operasi masjid sekitar \$80,000 juga setiap tahun.

Lebih hasil masjid setiap tahun dimanfaatkan untuk kerja-kerja pemuliharaan, termasuk mendapatkan khidmat jurutera privet (PE).

Dibina pada 1845 hingga

1846, Masjid Hajjah Fatimah dinamakan sempena seorang wanita Melayu bangsawan berdarah Melaka. Masjid itu dibina atas bekas tapak rumah Hajjah Fatimah di Java Road.

Dalam tahun 1830-an, rumah itu telah dipecah masuk sebanyak dua kali. Pada kali keduanya, penceroboh cuba membakar rumah itu.

Hajjah Fatimah, yang berjauhan ketika serangan membakar itu berlaku, begitu lega kerana terselamat daripada segala ancaman dan kecederaan dan telah mewakaf tanah untuk didirikan masjid.

Hajjah Fatimah seorang ahli perniagaan luar biasa. Dilahirkan dalam sebuah keluarga kaya Melaka, beliau berkahwin dengan seorang putera Bugis dari Sulawesi yang menguruskan

sebuah pusat perdagangan di Singapura.

Setelah suami beliau meninggal dunia, Hajjah Fatimah meneruskan perniagaan seorang diri. Mereka dikurniakan seorang anak perempuan yang diberi nama Raja Siti. Raja Siti berkahwin dengan Syed Ahmed Alsagoff, anak kepada Syed Abdul Rahman Alsagoff, seorang peniaga.

Hanya selepas kematian Hajjah Fatimah, perniagaan beliau berpindah ke tangan keluarga Alsagoff. Makam perkuburan beliau bersama anak perempuan dan menantunya terletak dalam perkarangan masjid.

Sehingga hari ini, penyelenggaraan masjid dibiayai wakaf cucunya Syed Mohamad Ahmad Alsagoff yang meninggal dunia pada 1906.